

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JKE 318 – Perdagangan Antarabangsa**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dalam ruang yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**Soalan 1 (15 markah)**

‘Pertumbuhan dengan perdagangan akibat perkembangan teknologi yang pesat dapat meningkatkan kebajikan penduduk melalui kesan kekayaan. Walau bagaimanapun, ia juga boleh menyebabkan kemerosotan syarat niaga yang terlalu serius sehingga tingkat kebajikan rakyat jatuh jika dibandingkan dengan keadaan sebelum pertumbuhan.’

Berpandukan rajah yang sesuai, terangkan pernyataan di atas dan bandingkan kesan perkembangan teknologi untuk kes negara kecil dan negara besar.

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]

- 3 -

...4/-

**Soalan 2 (10 markah)**

- (a) Jelaskan maksud kadar perlindungan tarif berkesan.

(3 markah)

- (b) Kadar perlindungan tarif berkesan ( $e$ ) boleh dihitung berasaskan persamaan yang berikut:

$$e = [t - a \cdot t_i] \div [1 - a]$$

$t$  ialah kadar tarif terhadap barangan akhir

$t_i$  ialah kadar tarif terhadap input pertengahan

$a$  ialah nisbah kos input pertengahan kepada kos barangan akhir tanpa tarif


Berasaskan maklumat dalam jadual di bawah, kirakan kadar perlindungan tarif berkesan ( $e$ ) untuk barangan A, B dan C. Barangan manakah harus anda keluarkan sekiranya anda ingin mendapat perlindungan yang tertinggi? Jelaskan.

Barangan	$t$	$t_i$	$a$
A	30%	30%	0.2
B	30%	20%	0.2
C	20%	30%	0.2

(7 markah)

**Soalan 3 (12 markah)**

Rajah di bawah menunjukkan pasaran kereta di Malaysia. Jika tarif import sebanyak  $tw$  dikenakan, pengeluaran akan meningkat sebanyak  $ab$  dan penggunaan akan berkurangan sebanyak  $cd$ .



- (a) Apakah kehilangan bersih yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat Malaysia hasil daripada tarif import tersebut? Terangkan. (5 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]

- 6 -

- (b) Terangkan pemberian subsidi pengeluaran sebanyak  $tw$  adalah lebih cekap untuk meningkatkan pengeluaran jika dibandingkan dengan tarif import sebanyak  $tw$ .

(7 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]

...7/-

**Soalan 4 (14 markah)**

Untuk mengawal kemasukan import, dua polisi perdagangan yang sering digunakan adalah tarif import dan kuota import. Apakah perbezaan utama antara kedua-dua polisi tersebut?


Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]

**Soalan 5 (12 markah)**

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran komputer di sebuah negara kecil. Kerajaan negara ini telah memberi subsidi eksport komputer pada kadar TC seunit.

- (a) Apakah kehilangan terhadap ekonomi kesan daripada subsidi tersebut? (7 markah)
- (b) Pihak manakah yang akan menikmati keuntungan jika subsidi eksport ini dihapuskan? Terangkan. (5 markah)



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]



**Soalan 6 (12 markah)**

Terangkan konsep-konsep berikut:

(a) Theorem Rybczynski

(6 markah)

(b) Theorem Stolper-Samuelson

(6 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[JKE 318]

**Soalan 7 (15 markah)**

- (a) Bincangkan dengan bantuan rajah apa yang dimaksudkan dengan ciptaan dan lencongan dagangan hasil daripada penubuhan kesatuan kastam.  
(10 markah)

- (b) Adakah penubuhan kesatuan kastam sentiasa menguntungkan ahli-ahlinya?  
(5 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 318]**

**Soalan 8 (10 markah)**

Apakah anda fahami mengenai perjanjian TPPA (*Trans-Pacific Partnership Agreement*)? Pada pandangan anda apakah kebaikan dan keburukan bagi Malaysia dalam menyertai TPPA?